

18/09/1998

Peminat perlu diberi pujian

PENONTON yang memenuhi setiap ruang tempat duduk berteres selama empat hari di Pyramid Bowl sehingga kelmarin, patut mendapat pujian walaupun tiada anugerah bagi kumpulan sorak terbaik dalam acara bowling.

Sejak hari pertama, penonton tempatan yang membanjiri pusat bowling itu tidak henti-henti bersorak memberi sokongan kepada pemain negara yang beraksi.

Ada yang membawa bendera negara dan tidak kurang yang membawa sepanduk di samping berkelakuan tertib setiap kali pemain Malaysia menjejakkan kaki di atas gelanggang untuk membuat balingan.

Jika balingan itu mendapat strike, mereka menjerit "Malaysia Boleh!" beberapa kali dan diselang-seli dengan sorakan nama pemain pujaan mereka.

Kira-kira 1,200 tempat duduk di Pyramid Bowl sentiasa dipenuhi, terutama ketika Kenny Ang dan Ben Heng meraih pingat emas dalam acara beregu lelaki.

Semangat dan sokongan penonton tidak berbelah bahagi apabila terus berdiri di belakang kesemua pemain negara dalam acara beregu campuran, kelayakan dan final perseorangan.

Sorakan yang menghangatkan pusat bowling berkenaan sendiri diakui pemain luar negara sebagai luar biasa berbanding penonton di tempat mereka.

Bagi Bill Rowe dari Kanada, penonton Malaysia adalah yang paling meriah pernah dilihatnya.

"Walaupun saya pernah bermain di tempat lebih besar tapi di sini suasananya lebih meriah. Penonton di sini hebat kerana memberi sorakan baik kepada peserta tuan rumah mahupun luar negara," katanya.

Antara perkara menarik mengenai penonton ialah ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengunjungi pusat bowling itu ketika acara beregu lelaki sedang berlangsung.

Dr Mahathir turut duduk di tengah-tengah penonton dan mereka meraikan kehadiran pemimpin negara dengan laungan "Mahathir Boleh!"

Pengulas luar negara yang membuat liputan sepanjang empat hari itu juga mengakui penonton tempatan adalah nadi kemeriahan acara bowling yang pertama kali diperkenalkan dalam Sukan Komanwel.

Malah, penonton jugalah yang menghidupkan suasana apabila pusat bowling berkenaan terus dikunjungi ramai orang kenamaan, termasuk Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan Putera Edward dari England.

(END)